

TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA MAJLIS JOY OF REUNION – UMPians 2008
&
PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN ALUMNI
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG KALI PERTAMA
PADA HARI SABTU, 1 NOVEMBER 2008, PUKUL 10.00 PAGI DI KOMPLEKS
SUKAN, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

SALUTASI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Profesor Dr. Sabarudin bin Mohd,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Profesor Dr. Rosli bin Mohd. Yunus,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Profesor Dr. Abdul Jalil bin Borham,
Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & alumni;

Saudara Mohd. Rahmat bin Nordin,
Pengerusi Jawatankuasa Penaja Persatuan Alumni Universiti Malaysia Pahang;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Ahli-ahli Jawatankuasa Penaja Persatuan Alumni UMP;

Dan seterusnya para alumni UMP yang dikasihi sekalian,

Selamat Kembali ke *Alma Mater!*

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah Taala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya dapat hadir bersama para alumni UMP sekalian dalam Majlis *Joy of Reunion* – UMPians 2008 pada pagi ini.
2. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Saudara Mohd. Rahmat bin Nordin, Pengerusi Jawatankuasa Penaja Persatuan Alumni UMP kerana telah menjemput saya untuk turut merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Alumni UMP Kali Pertama.
3. Sesungguhnya saya amat berbesar hati dengan komitmen yang telah diperlihatkan oleh Jawatankuasa Penaja Persatuan Alumni UMP untuk menjayakan majlis pada pagi ini dengan mengumpulkan seramai mungkin alumni UMP yang dapat dihubungi. Syabas saya ucapkan.

MENGEMBALIKAN ALUMNI KE ALMA MATER

4. Tuan-tuan dan puan-puan,

Dengan sempurnanya Majlis Konvokesyen Ketiga UMP pada 23 Ogos 2008 yang lalu, maka Universiti ini kini memiliki tiga generasi alumni. UMP telah melalui detik-detik awal penubuhannya yang begitu *humble* sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia atau KUKTEM dan mara

langkah demi langkah dalam fasa penjenamaan semulanya kepada Universiti Malaysia Pahang sehingga ke hari ini. Dalam tempoh dan jangka masa yang penuh liku dan cabaran itu, Alhamdulillah, bilangan alumni kita semakin bertambah dari tahun ke tahun.

5. Inisiatif untuk mengadakan majlis perhimpunan semula atau reunion para alumni UMP di kampus ini amatlah dialu-alukan. Sekurang-kurangnya, ia dapat mengembalikan kenangan dan nostalgia para alumni di samping menggalakkan alumni untuk kembali ke *alma mater*. Walaubagaimanapun, kepimpinan Persatuan Alumni UMP haruslah memikirkan strategi yang berkesan untuk meningkatkan penglibatan para alumni dengan aktiviti seumpama ini supaya manfaat kewujudan Persatuan Alumni UMP dapat dirasakan oleh para alumni secara keseluruhannya.

6. Pihak Pengurusan UMP melihat para alumni Universiti ini sebagai rakan kongsi dan pemegang taruh yang berpotensi untuk memberi nilai tambah kepada Universiti ini. Kebanyakan alumni UMP kini berkerjaya di pelbagai segmen industri sama ada di dalam dan di luar negara. Tidak sedikit dari kalangan para alumni kita yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat multi nasional dan pemain utama industri global. Justeru, jaringan atau *networking* yang sistematik hendaklah diwujudkan bagi membolehkan para alumni membantu meningkatkan daya saing Universiti ini dalam pelbagai lapangan secara berkesan.

7. Dalam konteks ini, rasa pemilikan atau *sense of belonging* yang tinggi terhadap UMP sebagai *alma mater* amatlah penting. Kita haruslah melihat dan belajar dari pengalaman rakan-rakan Universiti tersohor dunia seperti Harvard, Yale, Cambridge dan lain-lain di mana para alumni universiti-universiti ini tidak terus meninggalkan *alma mater* mereka, sebaliknya kembali memberikan khidmat dan sumbangan melalui pelbagai cara. Saudara dan saudari sekalian ada *juniors* di fakulti-fakulti yang memerlukan dorongan dan motivasi para *seniors*..

8. Dengan jaringan kerjaya semasa juga saudara dan saudari juga berupaya membantu UMP meneroka peluang kerjasama dan rakan strategik baharu. Demikianlah pentingnya peranan alumni dan untuk merealisasikan harapan dan aspirasi tersebut, kita memerlukan Persatuan Alumni yang kukuh dengan barisan kepimpinan yang berwawasan jauh. Inilah antara perkara utama yang perlu diberi perhatian serius oleh saudara dan saudari sekalian.

CABARAN KEPADA PERSATUAN ALUMNI UMP

9. Tuan-tuan dan puan-puan,

Pada hari ini juga saudara dan saudari sekalian akan menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Alumni bagi kali pertama. Memulakan sesuatu bukanlah suatu perkara yang mudah. Saya percaya, Jawatankuasa Penaja yang diterajui oleh Saudara Mohd. Rahmat bin Nordin telah berusaha keras untuk merealisasikan pelaksanaan majlis pada pagi ini. Ruang dan peluang

yang telah tersedia ini hendaklah dihargai oleh para alumni yang hadir pada hari ini dan dimanfaatkan untuk kebaikan kita bersama. Pihak Pengurusan UMP amatlah mengalu-alukan sumbangsaran dan buah fikiran daripada para alumni sekalian bagi membangunkan Universiti ini.

10. Kepimpinan yang bakal dipilih dan dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan ini untuk menerajui Persatuan Alumni UMP haruslah berupaya mengekalkan dan meningkatkan hubungan erat dengan Pihak Pengurusan Universiti serta mampu mengenal pasti strategi pemerkasaan Persatuan Alumni UMP. Dengan visi dan misi yang jelas serta strategi yang terarah, saya percaya Persatuan Alumni UMP dapat berfungsi dengan berkesan sebagai platform rasmi yang menghubungkan para alumni dengan *alma mater* mereka.
11. Dalam hubungan ini, kepimpinan Persatuan Alumni UMP haruslah proaktif termasuk turun padang dan menganjurkan aktiviti-aktiviti yang relevan, bukan sahaja di kalangan ahli Persatuan, tetapi juga yang dapat merapatkan hubungan para alumni dengan *alma mater* dan juga *juniors*. Pihak UMP melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni yang diterajui Profesor Dr. Abdul Jalil bin Borham sentiasa komited untuk menyokong gerak kerja ini, apatah lagi, pembangunan alumni kini telah menjadi agenda penting yang diberi perhatian Pihak Pengurusan Universiti ini.

KATA PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN

12. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penaja Persatuan Alumni UMP di atas jemputan ini. Saya berharap, matlamat yang dihasratkan melalui penganjuran acara ini dapat dicapai sepenuhnya. Saya juga berdoa mudah-mudahan, Persatuan Alumni UMP akan terus bergerak maju dengan kepimpinan yang proaktif, efektif dan berpandangan jauh. Saya sentiasa terbuka untuk menerima sebarang pandangan daripada saudara dan saudari sekalian untuk dipertimbangkan, sekiranya relevan oleh Pihak Pengurusan Universiti.

13. Dengan lafaz Bismillahirramnirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis *Joy of Reunion* – UMPians 2008 dan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Alumni UMP Kali Pertama 2008.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.